

BAB 4

ANALISIS STRUKTUR MAJLIS PERTUNANGAN

Bab ini akan memaparkan struktur majlis pertunangan yang dilihat dari dua bentuk, iaitu struktur makro dan struktur mikro. Analisis data dibuat dengan memerhati setiap urutan tindakan dan perlakuan menurut atur cara dalam majlis pertunangan (MP). Urutan tindakan menurut atur cara memperlihatkan struktur majlis pertunangan yang menjadi amalan dan adat istiadat di kalangan orang Melayu. Dalam hal ini kesantunan dalam struktur pertunangan lebih tertumpu kepada perlakuan adat dalam majlis pertunangan yang tidak bercanggah dengan Islam, sebaliknya melahirkan masyarakat yang seimbang dengan keperibadian mereka.

4.1 Struktur Makro

Struktur makro ialah susunan atur cara dalam majlis pertunangan serta perlakuan-perlakuan bukan bahasa yang santun yang mengiringi atur cara majlis. Struktur ini memudahkan pemahaman tentang majlis tersebut, iaitu sejak ketibaan rombongan lelaki ke rumah perempuan sehingga rombongan lelaki pulang. Analisis struktur dalam majlis tersebut dapat dijelaskan seperti yang berikut:

4.1.1 Ketibaan Rombongan Lelaki

Ketibaan rombongan lelaki akan dianalisis daripada dua perkara, iaitu waktu ketibaan rombongan dan perlakuan sewaktu ketibaan rombongan.

4.1.1.1 Waktu Ketibaan Rombongan

Analisis telah dilakukan untuk melihat waktu ketibaan rombongan lelaki ke rumah pihak perempuan. Analisis waktu ketibaan rombongan ditunjukkan menerusi Jadual 4.1 seperti yang berikut.

Jadual 4.1: Waktu Ketibaan Rombongan Lelaki Ke Rumah Perempuan

Waktu Ketibaan	Majlis Pertunangan (MP)	Bilangan MP	Jumlah Kecil	Jumlah Besar (N)
Siang	Pagi (Sebelum 12 tengah hari)	0	17(89.47%)	19 (100%)
	Tengah Hari (12.00 – 2.00 petang)	16 (84.21%)		
	Petang (2.00 – 5.00 petang)	1 (5.26%)		
Malam	Selepas 8.00 malam	2 (10.53%)	2(10.53%)	

Dengan merujuk Jadual 4.1, didapati waktu ketibaan rombongan lelaki lebih banyak pada waktu siang, iaitu sebanyak 17 MP (89.47 %). Daripada jumlah tersebut didapati sebanyak 16 MP (84.21 %) tiba pada antara jam 12.00 tengah hari hingga 2.00 petang. Manakala satu MP (5.26 %) sahaja yang tiba selepas jam 2.00 petang. Hanya dua MP (10.53 %) sahaja yang tiba pada waktu malam, iaitu selepas jam 8.00 malam.

Dengan berdasarkan jadual tersebut, adalah jelas bahawa majlis pertunangan berlangsung pada waktu siang antara jam 12.00 tengah hari hingga 4.00 petang. Amalan mengadakan majlis pertunangan pada waktu malam kurang berlaku. Ini disebabkan kebanyakan kerja dilakukan pada waktu siang. Waktu siang yang bermula dari awal pagi sehingga ke waktu hampir senja merupakan waktu yang panjang yang boleh digunakan untuk melakukan pelbagai aktiviti. Waktu siang memudahkan perjalanan rombongan lelaki, apa lagi sekiranya rombongan lelaki menuju ke rumah perempuan yang tidak pernah dikunjungi sebelum ini. Pandangan pada waktu siang lebih jelas berbanding dengan waktu malam yang lebih sukar. Malahan, rombongan lelaki mempunyai waktu perjalanan yang cukup untuk tiba pada waktu tengah hari di rumah perempuan, walaupun tinggal di jarak yang jauh. Contohnya dalam MP 1, rombongan lelaki dari Balik Pulau, Pulau Pinang yang menuju ke Ipoh sejauh 190 km tetapi sempat sampai pada waktu tengah hari. Selepas majlis pertunangan, rombongan lelaki sempat pulang ke destinasi dan tiba ke rumah sebelum malam atau awal malam. Terdapat juga di kalangan anggota rombongan yang tiba lebih awal dan akan bermalam di kawasan yang terletak berdekatan dengan rumah pihak perempuan sementara menunggu majlis pertunangan pada keesokan harinya. Ini berlaku dalam MP 6, MP 16, MP 17, MP 18 dan MP 19.

Hal ini berbeza dengan waktu malam yang jumlah masa melakukan pelbagai aktiviti adalah terhad memandangkan pada jam 11.00 malam kebanyakan orang sudah masuk tidur. Dapatan kajian menunjukkan dua MP yang mengadakan majlis pertunangan sebelah malam merupakan majlis di kalangan pasangan tinggal berdekatan, iaitu di sekitar Kuala Lumpur (MP 3, jarak rumah pasangan

hanya 25 km, manakala MP 12 jarak rumah pasangan 5 km). Di Kuala Lumpur, suasana pada waktu malam adalah cerah kerana disinari lampu-lampu dan jalan-jalan rayanya juga adalah baik. Masyarakat Kuala Lumpur adakala sengaja mengelakkan majlis pada waktu siang kerana kesesakan lalu lintas.

Pemilihan waktu untuk mengadakan majlis pertunangan merupakan salah satu perkara yang diberikan perhatian penting oleh pihak keluarga. Ketibaan rombongan pada waktu yang tidak sesuai boleh menjelaskan muka kedua-dua pihak, contohnya ketibaan rombongan yang terlalu awal tidak disenangi kerana pihak tuan rumah belum begitu bersedia. Sebaliknya, kalau terlalu lewat menyebabkan pihak tuan rumah tertunggu-tunggu dan ini dianggap tidak santun. Dapatkan menunjukkan bahawa pemilihan waktu untuk mengadakan majlis pertunangan semuanya berdasarkan masa monokronik (Hall, 1983) yang menjadualkan setiap kegiatan menurut tertib dan kesesuaianya. Masa yang sesuai ialah masa yang disenangi oleh kedua-dua pihak, sama ada di pihak rombongan yang menjadi tetamu atau di pihak tuan rumah yang menerima tetamu.

4.1.1.2 Perlakuan Menyambut Rombongan Lelaki

Sewaktu rombongan lelaki tiba didapati beberapa orang wakil pihak perempuan telah sedia menunggu di halaman rumah untuk menyambut rombongan lelaki. Antara perlakuan sewaktu menyambut rombongan lelaki ialah bersalam-salaman sambil bertegur-sapa. Didapati, kaum wanita dalam rombongan lelaki membawa dulang-dulang hantaran dan diserahkan kepada kaum wanita di pihak perempuan yang telah sedia menunggu di depan pintu rumah. Di depan pintu



Gambar Foto 4.1: Ketibaan rombongan keluarga lelaki disambut oleh wakil keluarga perempuan

rumah, rombongan lelaki disambut oleh lebih ramai ahli keluarga perempuan. Rombongan lelaki dipersilakan masuk dan duduk di ruang yang telah disediakan. Dulang-dulang hantaran diletakkan di tengah-tengah ruang yang dikelilingi para tetamu.

Kajian mendapati bahawa hampir semua majlis pertunangan yang dirakamkan mempamerkan tindakan dan perlakuan yang hampir sama sewaktu menyambut ketibaan rombongan lelaki. Perlakuan yang santun di sini ialah menyambut rombongan dengan ramah mesra, bersalam-salaman dan bertegur sapa diiringi dengan wajah yang manis. Ini adalah kerana pertemuan tersebut adalah pertemuan untuk menjalankan hubungan kekeluargaan. Perlakuan menyambut tetamu dengan penuh kemesraan dituntut dalam Islam seperti sabda Rasulullah bahawa orang yang beriman kepada Allah ialah orang yang memuliakan tetamu, mempereratkan hubungan kekeluargaan dan mengucapkan kata-kata yang baik (Imam Nawawi, 1984:794).

4.1.2 Rundingan

Sebaik sahaja rombongan lelaki serta para tetamu termasuk ahli keluarga pihak perempuan duduk dengan selesa, rundingan dimulakan. Tindakan dan perlakuan dalam rundingan akan dibincangkan dalam struktur mikro.

4.1.3 Doa

Dalam kajian ini, doa yang dibaca sebaik sahaja tamat rundingan merupakan pemisah antara struktur mikro dengan struktur makro. Ini adalah kerana doa ialah satu tindakan dan perlakuan untuk mendoakan majlis pertunangan dan ikatan pertunangan, bukan semata-mata kerana rundingan pertunangan selesai dijalankan, walaupun doa didapati dibaca setelah rundingan ditamatkan kerana pada waktu itu kebanyakan hadirin berkumpul untuk mengikuti rundingan. Doa biasanya diketuai oleh seseorang yang lain yang lazimnya tidak terlibat sebagai jururunding. Kebiasaanannya doa diketuai oleh imam atau ustaz. Adakala bacaan doa diketuai oleh anggota keluarga yang memang arif dalam hal-hal keagamaan. Doa yang dimaksudkan itu tidak termasuk doa permulaan rundingan yang dibacakan oleh wakil yang menjadi jururunding. Ini disebabkan doa yang terdapat dalam pembukaan rundingan yang dilakukan oleh wakil ialah doa permulaan sesi rundingan. Namun begitu, sekiranya terdapat doa permulaan oleh seorang imam yang dijemput oleh wakil (pengerusi majlis rundingan), maka doa khusus untuk majlis tersebut dimasukkan juga ke dalam struktur makro. Hal ini terdapat dalam MP 12.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa terlalu kecil bilangan wakil yang membacakan doa, iaitu hanya tiga wakil (15.78 %) sahaja. Wakil yang membacakan doa terdapat dalam MP 8 (WP), MP 14 (WL) dan MP 18 (WL). Ketiga-tiga wakil tersebut ialah ustaz. Kebiasaanannya, individu yang dipilih untuk membacakan doa disediakan oleh pihak keluarga perempuan. Tetapi dalam MP 14 dan MP 18, keluarga perempuan menyedari bahawa wakil lelaki (WL) yang dipilih

menjadi jururunding ialah di kalangan ustaz, jadi keluarga perempuan meminta WL terus menyempurnakan bacaan doa. Manakala dalam MP 8, wakil perempuan (WP) ialah seorang imam. Dapatan kajian menunjukkan bahawa daripada 19 MP yang dikaji, terdapat 17 MP (89.47 %) doa dibacakan oleh ustaz atau imam yang disediakan oleh pihak perempuan. Manakala doa dalam dua MP (MP 2 dan MP 9) dibaca oleh ahli keluarga sendiri.

Analisis turut dibuat untuk mendapatkan jangka masa doa dalam setiap majlis pertunangan. Jangka masa doa dipaparkan menerusi Jadual 4.2. Dengan merujuk Jadual 4.2 didapati doa lebih kerap berlangsung dalam tempoh antara 4-6 minit yang terdapat dalam 12 MP (63.15 %). Terdapat juga doa yang memakan masa kurang dari tiga minit, yang terdapat dalam empat MP (21.05 %). Manakala doa yang memakan masa melebihi 10 minit terdapat dalam dua MP (10.52 %). Terdapat hanya satu MP (5.26 %) doa memakan masa selama tujuh minit. Dapatan menunjukkan purata jangka masa doa ialah 5 minit.

Jadual 4.2: Taburan Jangka Masa Doa Dalam Majlis Pertunangan

Jangka Masa Doa	Bilangan Majlis Pertunangan	Peratusan
Kurang 3 minit	4	21.05 %
4 – 6 minit	12	63.15 %
7 - 9 minit	1	5.26 %
Melebihi 10 minit	2	10.52
Jumlah (N)	19	100.0%



Gambar Foto 4.2: Bacaan doa diketuai oleh imam selepas majlis rundingan

Perbezaan jangka masa doa bergantung pada kepanjangan dan kelajuan doa yang dibaca. Dapatan kajian menunjukkan kebanyakan doa dalam bahasa Arab, kecuali dalam MP 12, doanya dalam bahasa Melayu.

Kesantunan perlakuan dalam atur cara majlis pertunangan turut bergantung kepada pembacaan doa yang bertujuan untuk meminta keberkatan daripada Tuhan. Tanpa bacaan doa, majlis dianggap tidak sempurna dan cacat. Keutamaan doa kepada orang Islam ditegaskan menerusi firman Allah Taala dalam surah al-Baqarah ayat 186, surah Ghafir ayat 60, surah al-A'raf ayat 55 dan surah an-Naml ayat 62. Malahan Rasulullah sendiri bersabda bahawa berdoa itu ialah ibadat (Imam Nawawi, 1984:1332). Dengan dapatan kajian yang menunjukkan bahawa atur cara doa terdapat dalam 100.00 % majlis pertunangan, jelaslah bahawa bacaan doa menjadi satu peraturan atau adat dalam majlis pertunangan. Pengabaian doa akan memalukan pihak keluarga dan tindakan yang mengabaikan sesuatu yang menjadi nilai sosial akan mengakibatkan tekanan sosial (Wan Abdul Kadir, 2000:126).

4.1.4 Menyarung Cincin

Acara menyarung cincin merupakan klimaks majlis pertunangan dan didapati terdapat dalam semua MP. Cincin berperanan sebagai lambang atau tanda ikatan pertunangan. Acara ini diadakan untuk mengesahkan ikatan pertunangan antara kedua-dua pasangan. Acara ini lebih kerap berlangsung setelah proses rundingan tamat. Maksudnya, sebaik sahaja doa penutup dalam rundingan

dibacakan, wakil rombongan lelaki yang terdiri daripada sama ada ibu, nenek, emak saudara atau kakak lelaki akan menyarungkan cincin pertunangan di jari manis gadis. Tetapi terdapat juga dalam beberapa kes, menyarung cincin dilakukan di tengah-tengah proses rundingan. Hal ini berlaku dalam empat MP (21.05 %) iaitu MP 1, MP 2, MP 10, dan MP 12. Dalam keempat-empat MP itu, penutup dibuat selepas acara menyarung cincin. Malahan dalam MP 1 dan MP 2, rundingan diteruskan selepas acara menyarung cincin. Manakala dalam MP 10 dan MP 12 rundingan ditamatkan sebaik sahaja acara menyarung cincin.

Dalam acara menyarung cincin, hanya kaum wanita daripada rombongan lelaki yang masuk ke bilik untuk menyarung cincin pertunangan. Pada masa ini, keluarga lelaki mengambil peluang untuk menatap wajah gadis bakal menantu mereka serta berkenal-kenalan. Kemudian, gadis tersebut akan dibawa keluar untuk menemui anggota keluarga lelaki yang lain di ruang tamu. Walau bagaimanapun, tindakan tersebut tidak berlaku dalam semua MP. Hanya lima MP (26.31 %) yang terdapat tindakan tersebut, iaitu MP 2, MP 11, MP 12, MP 14 dan MP 18. Manakala 14 MP (73.68 %) gadisnya tidak keluar dari bilik. Jadi, tindakan membawa gadis keluar dari biliknya selepas acara menyarung cincin bukanlah satu amalan. Kebanyakan gadis tidak keluar dari biliknya memandangkan amalan dan fahaman orang Melayu bahawa anak gadis perlu ada rasa malu untuk berdepan dengan orang ramai. Tempat anak gadis adalah di dalam bilik (Lihat Zainal Kling, 2001:181). Perlakuan ini diteruskan demi mengekalkan keperibadian gadis Melayu terutama pada hari pertunangannya. Bagi lima MP yang gadisnya dibawa keluar bilik berlaku atas beberapa sebab. Antaranya, ruang biliknya sempit sedangkan anggota perempuan rombongan lelaki adalah ramai.



Gambar Foto 4.3: Acara menyarung cincin pertunangan merupakan kemuncak majlis pertunangan

Keadaan bersetak-sesak apabila kaum keluarga lelaki ingin menatap wajah gadis.

Oleh itu, bagi memudahkan, gadis diajak keluar supaya semua anggota rombongan lelaki dapat berjumpa dengannya. Alasan lain ialah, gadis sudah kenal mesra dengan kebanyakan kaum keluarga lelaki. Gadis tidak berasa kekok bertemu dengan keluarga lelaki dan sekiranya gadis tidak keluar menemui dan bertegur sapa dengan keluarga lelaki, takut dituduh sompong.

4.1.5 Bertukar-tukar dan Berbalas-Balas Bekas atau Dulang Hantaran

Tindakan ini berlaku sebaik sahaja proses rundingan dan menyarung cincin dilakukan. Setelah menerima beberapa dulang hantaran yang dibawa, pihak perempuan akan membalas hantaran pihak lelaki. Dapatan kajian menunjukkan pihak perempuan akan mengambil isian daripada dulang pihak lelaki dan mengantikannya dengan isian daripada pihak perempuan. Tindakan ini bagi membolehkan pihak lelaki membawa pulang bekas atau dulang sendiri. Hal ini dapat dilihat menerusi ujaran yang berikut.

Contoh 4.1

MP 14

WL:U 157: Tapi mana-mana kulit tu kami nak balik.

MP 15

WP:U 82: Jadi kemungkinan kami balas atas bekas yang kita salin aja, ya tak?

Memandangkan pihak perempuan akan melebihkan bilangan dulang kepada pihak lelaki, maka proses memulangkan semula bekas atau dulang yang lebih itu dilakukan kemudian. Menurut kebiasaan, sewaktu pihak lelaki memulangkannya, dulang-dulang tersebut akan diisi dengan makanan-makanan manis seperti gula atau air sirap, tebu, pisang muda, kelapa dan pulut. Makanan-makanan tersebut mempunyai maknanya yang tersendiri, iaitu gula, tebu dan air sirap menggambarkan hubungan mesra dan menggembirakan, pulut dan pisang muda menggambarkan hubungan yang rapat dan kekal, manakala kelapa menggambarkan kebaikan dan kesuburan.

4.1.6 Jamuan Makan

Jamuan makan dalam majlis pertunangan disebut juga sebagai kenduri. Hidangan yang disediakan selalunya ialah nasi berserta lauk-pauknya yang lengkap. Kenduri selalunya diadakan dengan irungan doa dan harapan agar majlis yang diadakan mendapat keberkatan daripada Allah Taala. Didapati ada pihak yang mengadakan jamuan makan sebelum rundingan dan ada juga selepas rundingan. Perkara ini dapat dirujuk menerusi Jadual 4.3. Dengan berdasarkan Jadual 4.3 didapati sebanyak 14 MP (73.68 %) mengadakan jamuan selepas rundingan. Manakala sebanyak lima MP (26.31%) mengadakan jamuan sebelum rundingan, iaitu sebaik sahaja rombongan lelaki tiba, mereka dijemput untuk makan.


Jadual 4.3: Waktu Jamuan Makan Dalam Majlis Pertunangan

Majlis (MP) Waktu Makan	Pertunangan	Bilangan MP	Jumlah Kecil	Jumlah Besar (N)
Tengah Hari	Sebelum Rundingan	5 (26.31%)	17 (89.47 %)	19 (100 %)
	Selepas Rundingan	12 (63.15%)		
Malam	Sebelum Rundingan	0 (0)	2 (10.53 %)	19 (100 %)
	Selepas Rundingan	2 (10.53%)		

Dapatan tersebut menunjukkan bahawa sebanyak 17 MP (89.47 %) mengadakan jamuan tengah hari. Terdapat dua MP (10.53%) mengadakan jamuan makan malam memandangkan majlis pertunangan diadakan pada waktu malam. Kedua-dua MP tersebut mengadakan jamuannya selepas rundingan pertunangan.

Didapati jumlah MP lebih banyak mengadakan jamuan selepas rundingan memandangkan susunan atur cara yang demikian lebih mampu melancarkan perjalanan majlis. Perkara pokok dalam majlis pertunangan ialah rundingan dan diikuti dengan acara menyarung cincin dan bertukar-tukar dulang hantaran. Selepas melaksanakan acara tersebut, jamuan makan akan diadakan dalam keadaan yang lebih selesa dan tetamu akan menghadapi makanan tanpa tergesa-gesa. Sebaik sahaja habis makan, rombongan akan berangkat pulang. Sebaliknya, tetamu tergesa-gesa makan sekiranya banyak lagi atur cara belum selesai seperti rundingan dan menyarung cincin.

Bagi MP yang mendahuluikan jamuan makan sebelum acara-acara lain adalah disebabkan kelewatan rombongan lelaki tiba sedangkan makanan sudah lama terhidang. Memandangkan ketibaan mereka yang lewat, rombongan



Gambar Foto 4.4: Para tetamu menjamu selera selepas majlis pertunangan

193b

dipersilakan makan terlebih dahulu. Sama ada jamuan diadakan sebelum atau selepas rundingan, perkara tersebut tidak menimbulkan masalah. Perlakuan yang lebih penting adalah menjamu tetamu makan. Menjamu tetamu ialah perlakuan yang santun memandangkan perlakuan ini ditekankan dalam Islam seperti yang terdapat dalam surah adz-Dzariyat ayat 24.

4.1.7 Rombongan Lelaki Berangkat Pulang

Setelah rombongan lelaki selesai makan, kaum wanita di pihak rombongan lelaki akan mengambil dulang-dulang hantaran balasan daripada pihak perempuan. Rombongan lelaki akan bersalam-salaman dengan keluarga perempuan. Mereka akan dihantar hingga ke luar rumah. Cara pihak perempuan menghantar rombongan lelaki pulang lebih kurang sama dengan cara mereka menyambut ketibaan rombongan.

4.1.8 Urutan Atur Cara Dalam Struktur Makro

Majlis pertunangan mempunyai atur caranya yang tersendiri. Urutan atur cara dalam struktur makro adalah seperti dalam Jadual 4.4. Urutan-urutan tersebut dapat diklasifikasikan seperti yang berikut:

- i) Bentuk A, iaitu urutan 1 hingga 7
- ii) Bentuk B, iaitu urutan 1 hingga 8
- iii) Bentuk C, iaitu urutan 1 hingga 9
- iv) Bentuk D, iaitu urutan 1 hingga 11

Jadual 4.4: Urutan Atur Cara dalam Struktur Makro

Atur Cara MP	Rombongan Lelaki Tiba	Rundingan	Doa	Sarung Cincin	Tukar Bekas	Jamuan Makan	Rombongan Pulang
MP 1	1	2/4/7	6	3	5	8	9
MP 2	1	3/5	6	4	7	2	8
MP 3	1	2	3	4	5	6	7
MP 4	1	2	3	4	5	6	7
MP 5	1	2	3	4	5	6	7
MP 6	1	3/6	4	5	7	2	8
MP 7	1	2	3	4	5	6	7
MP 8	1	3	4	5	6	2	7
MP 9	1	2	3	4	5	6	7
MP 10	1	3	4	5	6	2	7
MP 11	1	2	3	4	5	6	7
MP 12	1	2/4/6/8	3/9	7	5	10	11
MP 13	1	2	3	4	5	6	7
MP 14	1	2	3	4	5	6	7
MP 15	1	2	3	4	5	6	7
MP 16	1	3	4	5	6	2	7
MP 17	1	2	3	4	5	6	7
MP 18	1	2	3	4	5	6	7
MP 19	1	2	3	4	5	6	7

Petunjuk: Susunan atur cara majlis adalah menurut urutan dari nombor kecil kepada nombor yang besar.

Dapatan menunjukkan bilangan maksimum atur cara ialah sebelas (11), manakala bilangan minimumnya ialah tujuh (7). Walaupun ada perbezaan dalam bilangan urutan atur cara, tetapi dapatan menunjukkan tidak ada pertambahan atau pun pengurangan terhadap jenis atur cara. Semua MP mengkalkan atur cara yang

lazimnya terdapat dalam majlis pertunangan. Perbezaan bilangan urutan atur cara adalah disebabkan terdapat MP yang mengulangi rundingan akibat atur cara menyarung cincin, bertukar-tukar dulang serta doa diselitkan ketika rundingan berlangsung.

Jadual 4.5: Taburan Bentuk Urutan Atur Cara Dalam Struktur Makro

Bentuk Urutan	Majlis Pertunangan (MP)	Bilangan MP	Jumlah Besar (N)
A	(Urutan 1-7)	15 (78.94%)	
B	(Urutan 1-8)	2 (10.53%)	
C	(Urutan 1-9)	1 (5.26%)	
D	(Urutan 1-11)	1 (5.26%)	19 (100 %)

Dengan merujuk Jadual 4.5 didapati sebanyak 15 MP berbentuk A (78.94 %). Sebanyak 2 MP (10.53 %) dikenal pasti berbentuk B, manakala bentuk C dan D masing-masing hanya 1 MP (5.26%).

Atur cara dalam bentuk A berjalan menurut susunannya yang tertib, iaitu bermula dengan ketibaan rombongan, diikuti dengan rundingan, doa, menyarung cincin, menukar dulang hantaran dan jamuan. Setiap atur cara diselesaikan satu persatu tanpa menurut tertibnya. Ini berbeza dengan bentuk B yang bilangan atur caranya sebanyak 8 disebabkan atur cara menyarung cincin berada di tengah-tengah rundingan. Bentuk B terdapat dalam MP 2 dan MP 6.

Dapatan juga menunjukkan bahawa Bentuk C yang mempunyai 9 atur cara terdapat hanya dalam MP 1. Hal ini disebabkan atur cara rundingan dalam MP 1 telah diulang-ulang sebanyak tiga kali. Atur cara menyarung cincin, bertukar-tukar

dulang dan doa terdapat di tengah-tengah rundingan. Manakala dalam MP 12 terdapat 11 bilangan atur cara disebabkan terdapat dua doa khusus yang dibaca oleh seorang imam. Doa pertama adalah pada permulaan rundingan, yang merupakan atur cara ketiga. Acara bertukar-tukar bekas atau dulang hantaran berlaku lebih awal, iaitu sebaik sahaja wakil perempuan mengesahkan penerimaan peminangan. Manakala acara menyarung cincin berlaku sebelum rundingan tamat. Kedua-dua acara tersebut berada di tengah rundingan. Setelah acara menyarung cincin selesai barulah WP menyampaikan ucapan penutupan dan diikuti dengan doa penutup dan jamuan makan.

Dapatan telah menunjukkan bahawa bentuk struktur yang lazim dan kerap diamalkan ialah struktur A. Manakala lain-lain bentuk tidak begitu kerap digunakan. Struktur A ialah satu bentuk struktur yang ringkas dan yang biasa dalam majlis pertunangan. Kedua-dua pihak mahu segera melaksanakan rundingan kerana dalam rundingan wakil akan mengesahkan ikatan pertunangan dan penerimaan dulang-dulang hantaran serta menyelesaikan perbincangan tentang beberapa aspek komponen pertunangan. Setelah hal-hal itu disempurnakan, acara menyarung cincin dan bertukar-tukar dulang hantaran dilangsungkan. Akhir sekali ialah acara jamuan. Setelah tanggungjawab dilaksanakan, rombongan lelaki dan para tetamu dengan selesa dapat menjamu selera dengan tenang. Alasan tersebut telah mendorong lebih banyak majlis pertunangan memilih struktur A.

Walaupun terdapat sedikit perbezaan urutan atur cara dalam beberapa MP, tetapi hal tersebut tidak mencacatkan majlis secara keseluruhan memandangkan semua perlakuan utama, iaitu rundingan, menyarung cincin, betukar-tukar dulang

hantaran, doa dan jamuan makan tetap ada dalam kesemua majlis. Hal ini juga menunjukkan bahawa atur cara seperti rundingan, menyarung cincin, bertukar-tukar dulang, doa dan jamuan makan dalam struktur makro ialah atur cara yang perlu ada dalam majlis pertunangan orang Melayu. Didapati semua MP mengandungi atur-cara-atur cara tersebut. Maka, atur cara tersebut boleh dianggap sebagai satu identiti majlis pertunangan dan merupakan peraturan dalam adat istiadat pertunangan orang Melayu. Sekiranya salah satu atur cara tersebut ditinggalkan, majlis pertunangan itu menjadi tidak sempurna. Keadaan ini akan mengakibatkan anggota keluarga dilebelkan sebagai “tidak tahu adat” yang kelak menjelaskan citra diri awam anggota keluarga walaupun ianya bukanlah satu kesalahan besar atau dosa. Namun, atur cara majlis tersebut telah sebatи dan menjadi amalan dan budaya Melayu, maka pengabaianya akan memalukan pihak keluarga. Ini menegaskan lagi bahawa muka orang Melayu dikawal oleh faktor budaya dan masyarakatnya seperti yang disebut oleh Asmah Haji Omar (2000:102).

4.2 Struktur Mikro

Rundingan pertunangan merupakan tindakan dan perlakuan yang kedua dalam struktur makro. Dapatan kajian menunjukkan rundingan dalam setiap MP berlangsung dalam jangka masa yang berbeza-beza. Yang berikut dipaparkan Jadual 4.6 untuk menunjukkan jangka masa rundingan pertunangan dalam 19 MP.

Jadual 4.6: Jangka Masa Rundingan Pertunangan

Jangka Masa Rundingan	Bilangan Majlis Pertunangan (MP)	Peratusan
Kurang dari 10 minit	6	31.57 %
11- 15 minit	5	26.32 %
16 – 24minit	5	26.32 %
Melebihi 25 minit	3	15.79 %
Jumlah MP (N)	19	100.0 %

Daripada Jadual 4.6 tersebut adalah jelas bahawa terdapat 6 MP (31.57 %) yang menjalankan rundingan dalam jangka masa kurang dari 10 minit. Manakala 5 MP (26.32 %) yang mengadakan rundingan dalam masa 11-15 minit. Jangka masa rundingan antara 16-24 minit pula melibatkan 5 MP (26.32 %). Sebanyak 3 MP (15.79 %) yang menjalankan rundingan selama melebihi 25 minit. Puarata jangka masa rundingan ialah 15 minit.

Perbezaan jangka masa rundingan banyak bergantung pada cara wakil-wakil mengendalikan rundingan. Bagi rundingan yang memakan masa selama lima minit seperti MP 4 dan MP 7 didapati struktur rundingannya adalah ringkas, sama ada pada peringkat permulaan, pertengahan atau pun penutupnya. Kedua-dua MP tersebut didapati hanya merasmikan majlis pertunangan dan menganggap perbincangan semua aspek komponen pertunangan telah selesai. Rundingan yang begini kurang sempurna kerana tidak semua anggota keluarga turut serta dalam peringkat merisik atau awal rundingan. Hakikatnya, pada majlis pertunangan lebih ramai kaum keluarga yang turut serta dan mereka perlu dimaklumkan tentang beberapa perkara bersangkutan dengan syarat-syarat pertunangan.

Walau bagaimanapun, dapatan kajian menunjukkan jangka masa rundingan tersebut tidak mempengaruhi perlaksanaan majlis perkahwinan pasangan memandangkan semua MP telah melaksanakan majlis perkahwinan seperti yang dirancangkan.

Didapati bahawa urutan perlakuan dalam struktur mikro terdiri daripada urutan yang berikut:

- i) Pembukaan rundingan
- ii) Rundingan
- iii) Penutupan rundingan

4.2.1 Pembukaan Rundingan

Dapatan kajian akan memaparkan struktur dalam pembukaan rundingan pertunangan. Antara dapatannya adalah seperti yang berikut:

4.2.1.1 Pembuka Rundingan (Penutur Pertama)

Dapatan kajian menunjukkan bahawa pembuka rundingan pertunangan dimulakan oleh salah seorang wakil utama, sama ada oleh WP atau pun WL. Salah seorang wakil akan memulakan rundingan dan seterusnya akan memberikan peluang kepada wakil di sebelah pihak lagi untuk turut serta dalam rundingan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pembukaan rundingan telah dilakukan oleh 9 WP (47.36 %) dan 10 WL (52.63%).

Hal tersebut menjelaskan bahawa, walaupun tuan rumah majlis pertunangan ialah pihak perempuan tetapi pihak perempuan tidak semestinya memulakan rundingan pertunangan. Tinjauan mendapati bahawa tidak ada satu persediaan awal yang dilakukan oleh kedua-dua pihak dalam menentukan pihak yang akan memulakan rundingan. Didapati tidak ada satu peraturan khusus yang perlu dipatuhi dalam memastikan pihak yang sepatutnya memulakan rundingan. Sama ada wakil perempuan atau wakil lelaki, alasan salah seorang wakil membuka rundingan adalah seperti yang berikut:

- i) Lazimnya pihak perempuan yang menjadi tuan rumah akan meraikan ketibaan rombongan lelaki dan mengepalai sesi rundingan. Sekiranya WP telah bersedia untuk mengetuai rundingan, maka WP akan memulakannya tanpa ragu-ragu. Hal ini berlaku dalam 7 MP (36.84 %). Ini jelas dilihat menerusi ucapan alu-aluan WP yang teratur dan berisi seperti yang terdapat dalam ucapan alu-aluan WP dalam MP 1, MP 2, MP 5, MP 8, MP 12, MP 15, MP 19. Sebaik sahaja semua tetamu duduk dan bersedia, WP pun memulakan rundingan.
- ii) WP yang mewakili pihak tuan rumah adakala memberikan peluang kepada WL untuk memulakan rundingan. Ini adalah sebagai salah satu cara pihak tuan rumah hendak menunjukkan penghormatan kepada pihak lelaki. Hal ini berlaku dalam 7 MP (36.84 %) iaitu dalam MP 3, MP 6, MP 7, MP 11, MP 13 MP 16 dan MP 18.
- iii) Selain itu, keupayaan dan kebolehan wakil dalam mengendalikan rundingan turut menjadi penentu pihak yang akan memulakan rundingan pertunangan. Dalam kes-kes tertentu, WP didapati tidak

- mengambil inisiatif untuk memulakan rundingan, sebaliknya menunggu WL memulakannya. Hal ini terdapat dalam 3 MP (15.78 %) iaitu MP 4, MP 10 dan MP 14. Dalam kes-kes yang begini ketrampilan WP kurang terserlah dan sesi rundingan didominasikan oleh WL, contohnya yang jelas terdapat dalam MP 14.
- iv) Terdapat juga kes di mana WP meminta WL yang memulakan rundingan, tetapi WL enggan, dan akhirnya WP terpaksa memulakananya. Ini terdapat dalam 2 MP (10.53 %) iaitu MP 9 dan MP 17.

4.2.1.2 Pembuka Kata

Dapatan kajian juga telah mengenal pasti beberapa ungkapan pembuka kata dalam pembukaan rundingan, iaitu Bismillah, Doa dan Salam. Taburan pembuka kata dalam pembukaan rundingan ditunjukkan menerusi Jadual 4.7.

Daripada Jadual 4.7, didapati bahawa pembuka kata yang tertinggi digunakan ialah Salam, iaitu terdapat sebanyak (45.71 %) dan telah digunakan dalam 16 MP (84.00 %). Manakala Bismillah ialah pembuka kata kedua tingginya (31.42 %), iaitu terdapat dalam 11 MP (58.00 %). Doa merupakan pembuka kata terendah (22.85 %) dan digunakan dalam 8 MP (42.00 %). Selain itu, dapatan kajian juga menunjukkan bahawa pembuka kata lebih tinggi digunakan di kalangan WP, iaitu berjumlah 22 (62.85 %) berbanding WL dengan jumlahnya 13 (37.14 %).

Jadual 4.7: Taburan Pembuka Kata Oleh Pembuka Rundingan (Penutur 1)

Pembuka Kata (PK)	Pembuka Rundingan		Bilangan Penutur	Bilangan Tidak Menyebut	Jumlah Majlis Pertunangan
	Wakil Perempuan	Wakil Lelaki			
Bismillah	8 (42.10%) 8 (22.85%)	3 (16.00%) 3 (8.57%)	11(58.00%) 11(31.42%)	8(42.00%)	19 (100%) -
Doa	5 (26.00%) 5 (14.28%)	3 (16.00 %) 3 (8.57%)	8 (42.00 %) 8 (22.85%)	11(58.00%)	19 (100%) -
Salam	9 (48.00%) 9 (25.71%)	7 (37.00 %) 7 (20.0%)	16(84.00%) 16(45.71%)	3(16.00%)	19 (100%) -
Jumlah PK	- 22 (100 %) 22(62.85%)	- 13 (100 %) 13(37.14%)	- 35 (100 %) 35 (100%)	-	- -

4.2.1.3. Ucapan alu-aluan

Wakil yang memulakan rundingan akan memberi ucapan alu-aluan yang mengandungi beberapa perkara. Setiap isi ucapan alu-aluan yang dianalisis menghasilkan penyenaraian isi ucapan alu-aluan yang meliputi ungkapan sapaan, mengalu-alukan kedatangan rombongan, memperkenalkan diri sendiri dan ibu bapa pihak yang bertunang, menyatakan tujuan perjumpaan, harapan dan doa, bersyukur, terima kasih dan meminta maaf. Perkara ini ditunjukkan menerusi Jadual 4.8.

Dengan berpandukan Jadual 4.8, bilangan isi alu-aluan di kalangan WP lebih tinggi, iaitu terdapat sebanyak 39 (53.42 %) berbanding WL hanya 34 (46.57 %). Didapati bahawa tidak semua ucapan alu-aluan mengandungi isi yang lengkap. Antara isi alu-aluan yang tertinggi (23.28 %) ialah menyatakan Tujuan Pertemuan

yang terdapat dalam 17 MP (89.47%). Manakala Sapaan, Memperkenalkan Bapa pihak yang bertunang serta Harapan dan Doa merupakan isi alu-aluan yang kedua tingginya (12.33 %) yang masing-masing ditemui dalam 9 MP (47.36 %).

Jadual 4.8: Taburan Isi Ucapan Alu-Aluan Oleh Pembuka Rundingan (Penutur 1)

Bilangan Wakil Isi Ucapan	Bilangan Wakil Perempuan (WP)	Bilangan Wakil Lelaki (WL)	Jumlah Kecil (WP) & (WL)	Jumlah Besar (N)
Sapaan	5 (26.31 %) 5 (6.85%)	4 (21.05 %) 4 (5.48%)	9 (47.36 %) 9 (12.33%)	19 (100%) -
Kenalkan Diri	3 (15.78 %) 3 (4.10%)	4 (21.05 %) 4 (5.48%)	7 (37.83 %) 7 (9.58%)	19 (100%) -
Kenalkan Bapa	5 (26.31%) 5 (6.85%)	4 (21.05 %) 4 (5.48%)	9 (47.36 %) 9 (12.33%)	19 (100%) -
Selamat Datang	6 (31.57 %) 6 (8.21)	0 -	6 (31.57 %) 6 (8.21%)	19 (100%) -
Sebut Tujuan	7 (36.84 %) 7 (9.59%)	10 (52.63 %) 10 (13.69%)	17 (89.47 %) 17 (23.28)	19 (100%) -
Harapan & Doa	4 (21.05 %) 4 (5.48%)	5 (26.31 %) 5 (6.85 %)	9 (47.36 %) 9 (12.33)	19 (100%) -
Syukur	5 (26.31 %) 5 (6.85%)	3 (15.79 %) 3 (4.10%)	8 (42.10 %) 8 (10.95%)	19 (100%) -
Terima Kasih	2 (10.53 %) 2 (2.73%)	3 (15.78 %) 3 (4.10%)	5 (26.31 %) 5 (6.84%)	19 (100%) -
Minta Maaf	2 (10.52 %) 2 (2.73%)	1 (5.26 %) 1 (1.37%)	3 (15.78 %) 3 (4.10%)	19 (100%) -
Jumlah Isi Ucapan	- 39 (53.42 %)	- 34 (46.57 %)	- 73 (100.0%)	-

Syukur merupakan isi alu-aluan yang terdapat sebanyak (10.95 %) dan telah digunakan oleh penutur dalam 8 MP (42.10 %). Isi alu-aluan yang terendah ialah Minta Maaf (4.10 %) yang hanya muncul dalam 3 MP (15.78 %).

Kajian juga menunjukkan terdapat pembukaan rundingan yang tidak bersifat formal seperti yang lazim terdapat dalam pembukaan rundingan yang lain. Pembukaan yang tidak mengandungi perlakuan dan tindakan tersebut, walaupun tidak menggagalkan proses rundingan tetapi menampakkan kurang santun kerana tidak menepati struktur pembukaan rundingan. Ini terdapat dalam MP 6 dan MP 7. Contohnya seperti yang berikut:

Contoh 4.2

MP 6

WL:U 1: Jadi hajat kami ni nak bertanyalah dahulu, ha...ada bunga berkembang di sini, kalau diizinkan Allah, kalau dipersetujui orang sini, kami nak menyuntinglah

U 2: Begitu, ha...bawakan anulah...

U 3: Pertama di sini, kami bertanyalah, kalau berjawab kami hantarlah cincin bertunang kan!

U 4: Tapi, kalau tak berjawab, kami baliklah! (Ketawa)

U:1 – U:4 (MP 6) ialah ujaran WL yang memulakan rundingan. WL tidak menggunakan struktur pembukaan yang lengkap, iaitu tiada lafaz Bismillah, Doa, Salam dan Sapaan. Yang ada dalam ucapan pembukaannya ialah Tujuan dan Harapan.

Suasana seperti tersebut juga terdapat dalam MP 7.

Contoh 4.3

MP 7:

WL:U 1: Aku datang beritahu budak jantan tu nak disatukan bulan lapan, hantar belanja bulan enam.

U 2: Bulan enam ni bayar habislah!

Contoh 4.2 dan 4.3 di atas ialah pembukaan rundingan yang kurang santun memandangkan penutur terus menyatakan tujuan kedatangannya. Tindakan tersebut tiada ketertiban sedangkan ketertiban sangat dipentingkan dalam masyarakat Melayu. Kajian menunjukkan bahawa walaupun tidak semua MP mempunyai urutan perlakuan menepati struktur pembukaan rundingan, tetapi kebanyakannya masih mengekalkan perlakuan-perlakuan utama seperti Salam dan Sapaan. Dapat dikatakan bahawa terdapat dua ciri dalam ucapan alu-aluan, iaitu ciri khusus dan ciri umum. Ciri khusus hanya akan disebut oleh wakil tertentu seperti Ucapan Selamat Datang, yang hanya akan disebut oleh WP. Sebaliknya ciri umum merupakan ungkapan-ungkapan yang akan digunakan oleh kedua-dua pihak seperti Salam, Terima kasih, Maaf dan Tujuan.

Dapatan juga menunjukkan bahawa struktur dalam pembukaan rundingan tidak semestinya hanya berada dalam ucapan pembuka rundingan. Dapatan menunjukkan bahawa Penutur 2 turut menggunakan struktur pembukaan yang lengkap.

Daripada Jadual 4.9, didapati Salam ialah pembuka kata tertinggi (59.09 %) yang terdapat dalam ucapan pembukaan Penutur 2 yang telah digunakan dalam 13 MP (68.42%) berbanding Bismillah (27.27 %) yang terdapat dalam 6 MP (31.57 %). Manakala Doa merupakan pembuka kata yang terendah (13.63 %) yang terdapat dalam 3 MP (15.78 %).

Jadual 4.9: Taburan Pembuka Kata Oleh Penutur 2 Dalam Pembukaan

Pembuka Kata (PK)	Pihak Pembuka		Bilangan Penyebut	Bilangan Tidak Menyebut	Jumlah Penutur 2
	WP	WL			
Bismillah	3 (15.78%) 3 (13.63%) -	3 (15.78%) 3 (13.63%) -	6 (31.56%) 6 (27.27%) -	13 (68.42%) -	19 (100%) -
Doa	2 (10.52%) 2 (9.09%) -	1 (5.26%) 1 (4.54%) -	3 (15.78 %) 3 (13.63%) -	16 (84.21%) -	19 (100%) -
Salam	6 (31.00%) 6 (27.27%) -	7 (37.00%) 7 (31.81%) -	13 (68 %) 13 (59.09%) -	6 (31.57%) -	19 (100%) -
Jumlah PK	- 11 (100.0%) 11 (50.00%)	- 11(100.0%) 11(50.0%)	- 22 (100.0%) 22 (100.0%)	- -	- -

Analisis kajian juga turut melihat taburan kekerapan isi ucapan alu-aluan oleh Penutur 2. Analisis tersebut dipaparkan menerusi Jadual 4.10.

Jadual 4.10: Taburan Isi Ucapan Alu-Aluan Oleh Penutur 2

Isi Ucapan	Bil Wakil Bilangan Wakil Perempuan (WP)	Bilangan Wakil Lelaki (WL)	Jumlah Kecil (WP & WL)	Jumlah Besar (N)
Sapaan	4 (21.05 %) 4 (5.71%)	5 (26.31 %) 5 (7.14%)	9 (47.36 %) 9 (12.85%)	19 (100 %) -
Kenalkan Diri	3 (15.78 %) 3 (4.28%)	7 (36.84 %) 7 (10.0 %)	10 (52.63 %) 10 (14.28%)	19 (100 %) -
Kenalkan Bapa	3 (15.79 %) 3 (4.28%)	3 (15.78%) 3 (4.28%)	6 (31.57 %) 6 (8.57%)	19 (100 %) -
Selamat Datang	4 (21.05 %) 4 (5.71%)	0 0	4 (21.05%) 4 (5.71%)	19 (100 %) -
Sebut Tujuan	6 (31.57 %) 6 (8.57%)	9 (47.37 %) 9 (12.85%)	15 (78.94 %) 15 (21.43%)	19 (100 %) -
Harapan & Doa	3 (15.79 %) 3 (4.28%)	4 (21.05 %) 4 (5.71%)	7 (36.84 %) 7 (10.0%)	19 (100 %) -
Syukur	3 (15.78 %) 3 (4.28%)	3 (15.78%) 3 (4.28%)	6 (31.57 %) 6 (8.57 %)	19 (100 %) -
Terima Kasih	4 (21.05 %) 4 (5.71%)	4 (21.05 %) 4 (5.71%)	8 (42.10 %) 8 (11.43%)	19 (100 %) -
Minta Maaf	0	5 (26.31 %) 5 (7.14%)	5 (26.31 %) 5 (7.14 %)	19 (100 %) -
Jumlah Isi Ucapan	30 (42.85 %)	40 (57.14 %)	70 (100.0 %)	-

Dapatan menunjukkan bahawa menyatakan Tujuan adalah antara isi ucapan alu-aluan yang paling tinggi (21.43 %) bagi Penutur 2 yang digunakan dalam 15 MP (78.94 %). Isi ucapan memperkenalkan diri wakil merupakan yang kedua tingginya (14.28 %) yang terdapat dalam 10 MP (52.63 %). Manakala isi alu-aluan yang sederhana tingginya ialah Sapaan (12.85 %) yang digunakan dalam 9 MP (47.36 %) dan Terima Kasih (11.43 %) yang terdapat dalam 8 MP (42.10 %). Isi ucapan yang rendah ialah Maaf (7.14 %) yang dapat dikesan dalam 5 MP (26.31 %) dan Selamat Datang (5.71 %) yang hanya digunakan dalam 4 MP (21.05 %).

Ucapan alu-aluan oleh Penutur 2 didapati terdapat dalam 15 MP, manakala 4 MP lagi, iaitu MP 1, MP 7, MP 14 dan MP 18 tidak ada ucapan alu-aluan daripada Penutur 2.

Dapatan menunjukkan bahawa ada di kalangan Penutur 2 yang menggunakan pembukaan kata dan ucapan alu-aluan yang lengkap ketika memulakan percakapannya. Contohnya adalah seperti yang berikut.

Contoh 4.4

MP 19:

- WL:U 26: Assalammualaikum W.B.K. (*Salam*)
U 27: Bacaan doa pendek (*Doa*)
U 28: Yang dimuliakan tuan rumah, ayah saudara bakal pengantin kita, Hazidah binti Abd Aziz.
U 29: Dan tuan kadi, ketua kampung, ketua imam, tuan-tuan dan puan-puan yang dirahmati Allah sekalian. (*Sapaan*)
U 30: Jadi saya memanjat kesyukuran yang tidak terhingga ke hadrat Allah S.W.T. di atas keizinan-Nya, dapat sampai ke mari.
U 31: Dan dapat kita bertemu mesra dan menyampaikan...
U 32: Sama-sama beruruskan untuk menyampaikan hajat anak saya ni iaitu, Khuzaimi bin Hassan, untuk meminang, Hazidah binti Abd Aziz. (*Kesyukuran*)
U 33: Jadi, sebelum kita meneruskan urusan kerja buat kita, marilah kita sama-sama membuka majlis ini dengan ulmul Quran.
U 34: Mudah-mudahan ianya menjadi keberkatan.
U 35: Menjadi panduan dan keberkatan kita bersama dalam dalam kita menjalani
U 36: Mudah-mudahan ianya akan diberkati Allah. (*Doa*)
U 37: Al-Fatihah... (*Doa*)
U 38: Tuan rumah dan tuan-tuan yang ada dalam majlis ini. (*Sapaan*)

- U 39: Saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasihlah.
- U 40: Oleh sebab saya ni ayah kepada bakal pengantin lelaki ni.
- U 41: Di atas sambutan, di atas layanan ya. (***Terima Kasih***)
- U:2031 WL: Dan, mungkin ada beberapa perkara yang berkurangan, dan terkasar bahasa misalannya, kurang peraturannya.
- U:2032 WL: Terlebih dahulu saya selaku ayah, mungkin kelemahan ini ada pada anak saya tu nanti, maklum sajalah, dia datang ke tempat orang ni kan!
- U:2033 WL: Jadi bagi saya terlebih dahulu minta ampun dan maaflah. (***Minta Maaf***)

Analisis juga dibuat untuk mengenal pasti perbezaan taburan isi ucapan dalam pembukaan rundingan di kalangan kedua-dua penutur. Jadual 4.12 menunjukkan perbezaan taburan kekerapan tersebut.

Dengan berdasarkan jadual tersebut, adalah jelas bahawa pembuka kata lebih tinggi digunakan oleh Penutur 1, iaitu terdapat sebanyak 35 (61.41 %) berbanding Penutur 2 terdapat sebanyak 22 (38.59 %).

Jadual 4.11: Perbezaan Taburan Pembuka Kata Oleh Penutur 1 Dan Penutur 2

Pembuka Kata (PK)	Bilangan Pembuka Kata		Jumlah P 1 & P 2	Jumlah Penutur (N)
	Penutur 1 (P 1)	Penutur 2 (P 2)		
Bismillah	11 (29.94 %) 11 (19.29 %)	6 (15.79 %) 6 (10.53 %)	17 (44.73 %) 17 (29.82%)	38 (100.0 %) -
Doa	8 (21.05 %) 8 (14.03 %)	3 (7.89 %) 3 (5.26 %)	11 (28.94 %) 11 (19.29%)	38 (100.0 %) -
Salam	16 (41.02 %) 16 (28.07 %)	13 (34.21 %) 13 (22.80 %)	29 (76.31 %) 29 (50.87 %)	38 (100.0 %) -
Jumlah PK	- 35 (61.41 %)	- 22 (38.59 %)	- 57 (100.0 %)	- -

Dari segi penggunaan pembuka kata, kajian menunjukkan bahawa Salam ialah pembuka kata yang tertinggi (50.87 %) digunakan oleh 29 (76.31 %) orang

penutur daripada jumlah keseluruhannya 38 orang. Dapatan juga menunjukkan 17 wakil (44.73 %) menggunakan Bismillah dan 11 (28.94 %) menggunakan Doa.

Bilangan tersebut menunjukkan bahawa Salam merupakan pembuka kata yang menjadi pilihan utama wakil dalam rundingan pertunangan. Salam didapati lebih kerap digunakan memandangkan mengucapkan Salam merupakan satu kebiasaan di kalangan orang Melayu ketika menyapa ataupun ketika hendak memulakan perbualan. Salam menjadi satu ungkapan amalan di mana-mana sahaja tanpa mengira tempat, suasana dan majlis. Ini agak berbeza dengan Doa atau ungkapan Bismillah yang tidak diucapkan ketika menyapa, menegur atau ketika memulakan perbualan. Kebiasaan ini telah turut mempengaruhi struktur dalam rundingan pertunangan walaupun adalah lebih santun sekiranya memulakan rundingan dengan Bismillah, Doa dan Salam.

Analisis juga dibuat untuk melihat perbezaan taburan isi ucapan alu-aluan dalam pembukaan rundingan di kalangan Penutur 1 dan Penutur 2. Taburan isi ucapan alu-aluan antara kedua-dua penutur ditunjukkan menerusi Jadual 4.12.

Daripada Jadual 4.12, jelas menunjukkan bahawa menyatakan Tujuan dalam ucapan alu-aluan adalah yang tertinggi (22.38 %) antara isi alu-aluan yang lain dan bilangan penutur yang menyebutnya adalah sebanyak 32 orang (84.21%) daripada jumlah besarnya 38 orang.

Jadual 4.12: Perbezaan Taburan Isi Ucapan Alu-Aluan Di Kalangan Penutur 1 Dan Penutur 2 Dalam Pembukaan

Penutur Isi Ucapan	Bilangan Penutur (P1)	Bilangan Penutur (P2)	Jumlah P 1 & P 2	Jumlah Penutur Dalam 19 MP
Sapaan	9 (23.68 %) 9 (6.29 %)	9 (23.68 %) 9 (6.29 %)	18 (47.36 %) 18 (12.58 %)	38 (100 %) -
Kenalkan Diri	7 (18.42 %) 7 (4.89 %)	10 (26.31 %) 10 (6.99 %)	17 (44.73 %) 17 (11.88 %)	38 (100 %) -
Kenalkan Bapa	9 (23.68 %) 9 (6.29 %)	6 (15.79 %) 6 (4.19 %)	15 (39.47 %) 15 (10.48 %)	38 (100 %) -
Selamat Datang	6 (15.79%) 6 (4.19 %)	4 (10.52 %) 4 (2.79 %)	10 (26.31%) 10 (6.98 %)	38 (100 %) -
Nyatakan Tujuan	17 (44.73 %) 17 (11.89 %)	15 (39.48 %) 15 (10.48 %)	32 (84.21 %) 32 (22.38 %)	38 (100 %) -
Harapan & Doa	9 (23.68%) 9 (6.29 %)	7 (18.42 %) 7 (4.89 %)	16 (42.10 %) 16 (11.18 %)	38 (100 %) -
Syukur	8 (21.05 %) 8 (5.59 %)	6 (15.78 %) 6 (4.19 %)	14 (36.84 %) 14 (9.78 %)	38 (100 %) -
Terima Kasih	5 (13.15 %) 5 (3.49 %)	8 (21.05 %) 8 (5.59 %)	13 (34..21%) 13 (9.09 %)	38 (100 %) -
Minta Maaf	3 (7.89 %) 3 (2.09 %)	5 (13.15%) 5 (3.49 %)	8 (21.05 %) 8 (5.59 %)	38 (100 %) -
Jumlah Isi Ucapan	-	-	-	-
	73 (51.04 %)	70 (48.95 %)	143 (100.0%)	-

Sapaan ialah isi alu-aluan yang kedua tingginya (12.58 %) yang telah digunakan oleh 18 orang penutur (47.36 %) dan diikuti dengan isi memperkenalkan diri (11.88 %) yang digunakan oleh 17 orang penutur (44.73 %). Isi alu-aluan yang terendah ialah minta maaf (5.59 %) yang hanya digunakan oleh lapan orang penutur (21.05 %).

Menyatakan **tujuan** adalah tinggi berbanding isi alu-aluan yang lain kerana penutur hendak menggambarkan niat dan matlamat sebenar majlis pada hari itu agar majlis tidak tersasar daripada tujuan. Dengan menyatakan tujuan, semua pihak diharap jelas dengan tujuan perjumpaan dan mematuhi adab kesantunan dalam majlis agar matlamatnya dapat dicapai tanpa sebarang masalah.

Manakala **minta maaf** merupakan isi alu-aluan yang rendah memandangkan kata maaf kurang sesuai dalam konteks pembukaan rundingan. Namun, dalam kajian ini didapati bahawa kata maaf yang ditemui dalam alu-aluan adalah kerana kelewatan rombongan lelaki tiba yang tidak berlaku dalam kebanyakan MP.

Pemerhatian ke atas teks rundingan mendapati bahawa kepadatan isi ucapan alu-aluan bergantung kepada keupayaan dan kebolehan penutur sebagai jururunding. Dalam rundingan pertunangan, penutur tidak menyediakan teks ucapan seperti dalam majlis-majlis lain yang bersifat lebih formal. Dalam rundingan pertunangan, penutur akan menyampaikan ucapannya secara spontan. Sehubungan itu, didapati ada ucapan alu-aluan dalam pembukaan rundingan yang kurang menepati strukturnya, seperti dalam Contoh 4.2 dan 4.3. Sebaliknya, bagi wakil yang berpengalaman menjadi jururunding dalam majlis-majlis pertunangan, kebolehannya tertonjol dan ucapan alu-aluannya lengkap dan sempurna, seperti yang terdapat dalam Contoh 4.4.

Walaupun terdapat perbezaan dalam taburan setiap isi ucapan pembukaan di antara Penutur 1 dan Penutur 2, tetapi dapatan kajian telah menunjukkan satu bentuk struktur pembukaan rundingan yang seragam.

Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa bilangan isi ucapan alu-aluan lebih tinggi di pihak Penutur 1, iaitu sebanyak 73 (51.04 %) berbanding dengan Penutur 2 sebanyak 70 (48.95 %). Walau bagaimanapun, perbezaan bilangan tersebut adalah kecil, iaitu sebanyak tiga (2.09 %). Ini menjelaskan lagi bahawa kedua-dua pihak mampu mengendalikan pembukaan rundingan dengan menggunakan struktur pembukaan yang santun menurut amalan masyarakat Islam yang didahului sama ada dengan Salam, Bismillah dan Doa serta ucapan alu-aluan antaranya Sapaan dan menyatakan Tujuan.

4.2.2 Pertengahan Rundingan

Dalam pertengahan rundingan, wakil-wakil akan merundingkan beberapa aspek komponen pertunangan seperti harga mas kahwin, harga hantaran belanja dan penghantaran wang belanja, cincin pertunangan dan cincin perkahwinan, dulang hantaran pada hari pertunangan dan perkahwinan, tempoh pertunangan, tarikh perkahwinan serta bab ingkar. Analisis dibuat untuk mengesan taburan aspek komponen yang dirundingkan pada pertengahan rundingan. Ini ditunjukkan dalam Jadual 4.13.

Dengan merujuk Jadual 4.13, aspek komponen Tempoh Pertunangan dan Tarikh Perkahwinan adalah yang tertinggi dirundingkan (18.36 %) kerana ada

dirundingkan dalam 18 MP (94.73 %) dan hanya 1 MP sahaja yang tidak merundingkannya. Aspek komponen Hantaran Belanja merupakan yang kedua tingginya (17.89 %) dan telah dirundingkan dalam 17 MP (89.47 %). Manakala Mas Kahwin disebut dalam 16 MP (84.21 %) dan merupakan aspek komponen ketiga tingginya (16.84 %). Aspek komponen yang sederhana ialah Ingkar (10.53 %) yang disebut dalam 10 MP (52.63 %). Aspek komponen yang rendah dirundingkan ialah tentang Cincin (8.42 %) yang hanya disebut dalam 8 MP (42.10 %) dan Syarat-Syarat Lain (7.37 %) yang disebut dalam 7 MP (36.84 %).

Jadual 4.13: Taburan Aspek Komponen Yang Dirundingkan Pada Pertengahan Pertunangan

Aspek Komponen Yang Dirundingkan	Bilangan MP Yang Merundingkan	Bilangan MP Yang Tidak Merundingkan	Jumlah Majlis Pertunangan (MP)
Mas Kahwin	16 (84.21 %) 16 (16.84 %)	3 (15.78 %)	19 (100.00 %)
Hantaran Belanja	17 (89.47 %) 17 (17.89 %)	2 (10.53 %)	
Cincin	8 (42.10 %) 8 (8.42 %)	11 (57.89 %)	
Syarat Lain	7 (36.84 %) 7 (7.37 %)	12 (39.88 %)	
Tempoh/ Tarikh Perkahwinan	18 (94.73 %) 18 (18.36 %)	1 (5.26 %)	
Bab Ingkar	10 (52.63 %) 10 (10.53 %)	9 (47.37 %)	
Jumlah Aspek Komponen	95 (100 %)	-	-

Keutamaan terhadap aspek komponen yang tinggi seperti Tempoh Pertunangan adalah disebabkan tempoh pertunangan ialah satu kata janji dalam

ikatan pertunangan. Perkara tersebut perlu dirundingkan untuk mendapat penjelasan bagi mencapai kata sepakat. Jangkaan tarikh perkahwinan juga turut diperkatakan bagi membolehkan kedua-dua keluarga dapat membuat persediaan rapi bagi melangsungkan perkahwinan. Aspek komponen ini sangat penting dirundingkan kerana sebarang kekeliruan atau salah faham boleh menjelaskan ikatan kekeluargaan.

Keutamaan membincangkan mas kahwin dan hantaran belanja adalah disebabkan beberapa alasan, antaranya ialah:

- i) Mas kahwin adalah wajib dalam sesebuah perkahwinan¹.
- ii) Mas kahwin yang dikenakan ke atas lelaki untuk diberikan kepada perempuan, lazimnya mengikut ketetapan pihak perempuan, sama ada ditetapkan oleh keluarga perempuan ataupun menurut sahaja yang ditetapkan oleh Jabatan Agama Islam Negeri. Oleh itu terdapat perbezaan harga mas kahwin antara satu tempat dengan tempat yang lain. Ini dapat dibuktikan daripada teks rundingan kajian ini tentang harga mas kahwin dalam MP-MP yang menyebutnya.
- iii) Memandangkan mas kahwin ialah syarat utama dalam pengesahan pernikahan kelak (disebut dalam lafaz nikah), maka harga yang ditetapkan mesti jelas dan terang supaya pihak lelaki tidak melakukan kesilapan pada hari akad nikah.

Hantaran belanja juga perlu dibincangkan kerana beberapa sebab, antaranya adalah:

- i) Wang hantaran² ialah lambang tanggungjawab lelaki ke atas perempuan yang hendak dikahwini. Dalam masyarakat Melayu, lelaki, iaitu suami yang perlu bekerja kuat menyediakan kelengkapan perempuan, iaitu isteri. Kesediaan menyediakan wang hantaran belanja seperti yang diminta melambangkan keperibadian lelaki.
- ii) Wang hantaran diperlukan oleh keluarga perempuan sebagai perbelanjaan perkahwinan dan perbelanjaan kelengkapan untuk pihak perempuan.
- iii) Memandangkan wang hantaran belanja adalah salah satu syarat yang dikenakan kepada pihak lelaki, maka jumlahnya mesti dinyatakan dengan jelas untuk pengetahuan pihak lelaki. Sekiranya pihak lelaki kurang bersetuju, mereka boleh mencadangkan harga lain tetapi mesti mendapat persetujuan pihak perempuan. Dapatan kajian menunjukkan semua penetapan hantaran belanja diterima oleh pihak lelaki tanpa bangkangan. Walaupun dalam MP 2, WL menyebut dahulu harga hantaran, tetapi tidak dipersetujui oleh pihak perempuan dan akhirnya pihak lelaki menurut seperti kehendak perempuan. (Rujuk U:339-U:349 dalam MP 2).

Rundingan tentang Cincin³ dan Syarat-Syarat lain kurang ditekankan dalam rundingan adalah kerana pemberian cincin kepada pihak perempuan sebagai lambang ikatan pertunangan sudah kekal menjadi syarat dalam majlis pertunangan. Ini terbukti apabila acara menyarung cincin menjadi acara kemuncak dalam majlis pertunangan. Manakala cincin yang akan dibawa pada hari perkahwinan bukanlah

satu syarat utama seperti mas kahwin. Tentang Dulang Hantaran pula, pihak keluarga perempuan tidak begitu memandang serius akan hal tersebut memandangkan tindakan membawa hadiah bukan satu paksaan atau tuntutan. Hal tersebut bergantung atas budi bicara dan keikhlasan pihak lelaki. Malahan hal tersebut boleh dirundingkan di luar waktu rundingan pertunangan. Alasan-alasan tersebut menyebabkan kedua-dua perkara tersebut kurang diberikan perhatian dalam rundingan pertunangan.

Dalam merundingkan Bab Ingkar, dapatan menunjukkan terdapat perbezaan bilangan yang kecil antara MP yang merundingkannya dengan MP yang tidak merundingkannya. Dapatan kajian menunjukkan perkara ini dibincangkan dalam 10 MP (52.63 %), manakala 9 MP (47.36 %) tidak menyentuh langsung hal tersebut.

Perbezaan yang tidak begitu ketara antara kekerapan yang merundingkannya dengan tidak merundingkannya bergantung atas alasan dan budi bicara pihak keluarga kedua-dua pasangan. Kedua-dua pihak mempunyai alasan tersendiri. Bagi pihak yang merundingkan hal tersebut, mereka ada alasannya, antaranya ialah:

- i) Perkara ini merupakan satu jangkaan sahaja tetapi dibincangkan bagi mengelakkan sebarang masalah pada kemudian hari sekiranya sesuatu perkara malang menimpa.
- ii) Ikatan pertunangan ialah ikatan janji. Dalam sesuatu perjanjian yang melibatkan masa akan datang, sesuatu kemungkinan yang menghalang

terlaksananya penunaian janji perlu dirundingkan dengan jelas. Ini bagi mengelak sebarang salah faham pada kemudian hari.

- iii) Dalam majlis pertunangan, beberapa simbol pertunangan digunakan sebagai mengesahkan ikatan janji. Antaranya ialah cincin pertunangan (dalam semua MP), malah ada pihak yang telah menyerahkan pendahuluan wang hantaran belanja (Seperti dalam MP1, MP 4, MP 5, MP 9, MP 11, MP 13 dan MP 19). Maka, rundingan tentang bab ingkar adalah perlu bagi memastikan tindakan seterusnya seandainya pasangan yang bertunang tidak jadi berkahwin.

Tindakan untuk tidak menyebutkan bab ingkar pula adalah disebabkan beberapa alasan, antaranya ialah:

- i) Wakil dan keluarga berasa perkara tersebut hanya satu jangkaan yang mungkin berlaku dan mungkin juga tidak. Pihak keluarga lebih suka berdoa demi kebaikan pasangan yang bertunang daripada merundingkannya.
- ii) Majlis pertunangan diadakan dengan tujuan untuk mengahwinkan pasangan, oleh itu bab ingkar sehingga putus pertunangan tidak wajar dirundingkan. Ini terbukti dalam MP 3 apabila bapa lelaki tidak membernarkan wakil meneruskan perbincangan tentang hal tersebut (Rujuk U:461- U:465 dalam MP 3).

Kajian turut mengesan pihak yang membuat sebutan harga mas kahwin dan hantaran belanja. Kajian mendapati bahawa harga Mas Kahwin lebih kerap disebut

oleh pihak perempuan, iaitu sebanyak 14 WP (73.68 %) yang menyebutnya berbanding hanya 2 WL (10.53 %) sementara 3 lagi tidak menyebutkannya. Manakala sebutan harga Hantaran Belanja disebut oleh 12 WP (63.15 %) dan 5 WL (26.31 %). Ini menunjukkan penetapan dan sebutan harga dibuat oleh pihak perempuan. Fenomena tersebut adalah kerana dalam masyarakat Melayu wanita mempunyai kedudukan yang istimewa. Oleh itu, nilai wanita antaranya ialah meletakkan syarat kepada lelaki yang hendak mengahwininya bagi membuktikan kesungguhan dan ketulusan pihak lelaki. Terdapat beberapa kes hal tersebut disebut oleh WL. Tinjauan mendapati bahawa WL hanya menyebut perkara yang telah ditetapkan oleh pihak perempuan semasa merisik atau dalam rundingan awal sebelum berlangsungnya majlis pertunangan. Dalam kebanyakan kes, kedua-dua pihak sudah bermuafakat dan membuat keputusan mengenai hal tersebut dan pada hari pertunangan hanya untuk memaklumkan dan mengesahkan sahaja.

Dapatan kajian terhadap struktur rundingan pertunangan pada peringkat pertengahan jelas menunjukkan bahawa rundingan pertunangan mempunyai beberapa aspek komponennya yang perlu dirundingkan bagi mencapai persetujuan dan persepakatan. Hal ini penting memandangkan ikatan pertunangan ialah satu ikatan janji yang merupakan proses awal dalam perkahwinan. Setiap perkara perlu mencapai kata sepakat antara kedua-dua buah keluarga yang bakal dicantumkan menerusi perkahwinan kedua pasangan yang ditunangkan itu. Permuafakatan ialah pendekatan dalam Islam yang kerap disarankan oleh Rasulullah S.A.W. kerana dengan permuafakatan yang dicapai menerusi musyuarah akan membina bibit-bibit kasih sayang yang abadi.

Jadual 4.14: Pihak Yang Menyebut Harga Mas Kahwin Dan Hantaran Belanja

Aspek Komponen	Bilangan MP Yang Menyebut		Bilangan MP Yang Tidak Sebut	Jumlah MP (N)
	WP	WL		
Mas Kahwin	14 (73.68 %)	2 (10.53 %)	3 (15.78 %)	19 (100.0%)
Wang Belanja	12 (63.15 %)	5 (26.31 %)	2 (10.53 %)	19 (100.0 %)

Daparan kajian telah membuktikan betapa niat dan hasrat yang suci untuk mendirikan perkahwinan itu perlu bermula dengan suasana awal yang baik bagi menghasilkan ikatan kekeluargaan yang harmonis dan tindakan ke arah tersebut adalah perlakuan yang santun.

4.2.3 Penutup Rundingan

Setelah semua pihak mencapai persetujuan dalam setiap aspek komponen yang dirundingkan, wakil akan menutup rundingan dengan ucapan penutup. Daripada analisis ke atas teks rundingan, dapat dikenal pasti beberapa isi ucapan penutupan dalam rundingan pertunangan. Jadual 4.15 menunjukkan taburan isi ucapan penutupan rundingan pertunangan.

Dengan merujuk Jadual 4.15, didapati bahawa isi ucapan penutupan yang tinggi ialah ucapan Terima Kasih (21.73 %) yang telah disebut oleh 15 orang penutur (39.47 %) daripada jumlah 38 orang. Ini diikuti dengan Salam dan

Bersyukur yang merupakan isi penutupan yang kedua tingginya (14.49 %) iaitu masing-masing digunakan oleh 10 orang penutur (26.31 %).

Isi ucapan penutupan yang sederhana ialah menyatakan Harapan dan Memberikan Peluang kepada tetamu untuk menyatakan sesuatu (13.03 %), yang masing-masing terdapat dalam ucapan 9 orang penutur (23.31 %). Isi ucapan penutupan yang paling rendah ialah Memohon Maaf (4.35 %) yang diucapkan oleh 3 orang penutur (7.89 %).

Terima kasih ialah isi ucapan yang paling tinggi terkandung dalam ucapan penutupan memandangkan ungkapan tersebut ialah ungkapan manusia yang berbudi bahasa yang sentiasa menghargai pihak lain. Ungkapan terima kasih melambangkan peribadi penutur yang santun dan merendah diri dan ungkapan ini sangat sesuai dalam hubungan manusia. Manakala ungkapan Kesyukuran yang merupakan isi ucapan penutup yang kedua tingginya menggambarkan hubungan manusia dengan Tuhan, bahawa manusia sentiasa mensyukuri nikmat Tuhan kepadanya. Kata-kata Maaf didapati paling rendah digunakan memandangkan rundingan pertunangan telah berlangsung dalam suasana yang harmonis dan tidak ada suatu perkara yang boleh dikaitkan kepada penutur untuk meminta maaf. Namun bagitu, dalam kes-kes tertentu maaf ada disebut apabila penuturnya cuba bersikap merendah diri untuk memohon maaf andai kata ada kekurangan sepanjang pengendalian rundingan.

Jadual 4.15: Taburan Isi Ucapan Penutupan Rundingan
Oleh Kedua-Dua Pihak Penutur

Isi Penutupan	Ucapan	Penutur 1	Penutur 2	Jumlah P1/P2	Jumlah Penutur Dalam MP
Sahkan Pertunangan	3 (7.89 %) 3 (4.35 %)	1 (2.63 %) 1 (1.44 %)	4 (10.52 %) 4 (5.79 %)	38 (100.0%)	-
Memohon Maaf	3 (7.89 %) 3 (4.35 %)	0 0	3 (7.89 %) 3 (4.35 %)	38 (100.0 %)	-
Terima Kasih	8 (21.05 %) 8 (11.59 %)	7 (18.42 %) 7 (10.14 %)	15 (39.47 %) 15 (21.73 %)	38 (100.0 %)	-
Harapan	5 (13.15 %) 5 (7.25 %)	4 (10.52 %) 4 (5.79 %)	9 (23.68 %) 9 (13.03 %)	38 (100.0 %)	-
Sahkan Rundingan	4 (10.52 %) 4 (5.79 %)	2 (5.26 %) 2 (2.89 %)	6 (15.78 %) 6 (8.69 %)	38 (100.0 %)	-
Ingatkan Isi Rundingan	3 (7.89 %) 3 (4.35 %)	0 0	3 (7.89 %) 3 (4.35 %)	38 (100.0 %)	-
Buka Peluang Pihak Lain Cakap	8 (21.05 %) 8 (11.59 %)	1 (2.63 %) 1 (1.44 %)	9 (23.68 %) 9 (13.04 %)	38 (100.0 %)	-
Bersyukur	8 (21.05 %) 8 (11.59 %)	2 (5.26 %) 2 (2.89 %)	10 (26.31 %) 10 (14.49 %)	38 (100.0 %)	-
Salam	8 (21.05 %) 8 (11.59 %)	2 (5.26 %) 2 (2.89 %)	10 (26.31 %) 10 (14.49 %)	38 (100.0 %)	-
Jumlah Isi Ucapan	- 50 (72.46 %)	- 19 (27.53%)	- 69 (100.0 %)	- -	- -

Beberapa rumusan ke atas isi ucapan penutup rundingan adalah seperti yang berikut:

- i) Tidak wujud satu struktur khas dalam penutupan rundingan pertunangan kerana didapati ucapan penutupan dilakukan sama ada oleh seorang wakil atau kedua-dua wakil.
- ii) Pihak yang menjadi penutur terakhir boleh terdiri sama ada WP atau WL.

- iii) Tidak semua ucapan penutupan mengandungi isi ucapan yang lengkap.
- iv) Ucapan penutupan lebih ringkas berbanding ucapan pembukaan. Taburan isi ucapan penutupan oleh kedua-dua wakil berada pada peratusan yang rendah. Ini dapat dijelaskan dengan merujuk Jadual 4.15 dan didapati bahawa kebanyakan MP tidak mempunyai penutupan rundingan yang baik seperti dalam pembukaan. Hal ini juga dibuktikan dengan jumlah isi ucapan penutupan hanya berjumlah 63 berbanding isi ucapan pembukaan sebanyak 143.
- v) Terdapat ucapan penutupan yang berulang-ulang, contohnya ucapan penutupan sebelum doa dan berlaku lagi ucapan penutupan selepas doa. (Rujuk MP 6).

Dapatan kajian yang menjelaskan bahawa struktur penutupan rundingan lebih ringkas disandarkan atas beberapa faktor, antaranya adalah seperti yang berikut:

- i) Semua perkara yang penting telah selesai dirundingkan dalam peringkat pertengahan.
- ii) Majlis dianggap sempurna ditutup dengan doa penutup yang terdapat dalam semua MP.
- iii) Majlis pertunangan telah mengambil masa yang panjang, oleh itu wakil-wakil tidak mahu memanjangkan masa dengan ucapan penutup yang meleret-leret (Hal ini disebut dalam MP 8).
- iv) Adakala, rombongan lewat tiba, yang menyebabkan rundingan bermula agak lewat. Kekangan masa menyebabkan rundingan perlu ditamatkan segera memandangkan waktu sembahyang zohor sudah masuk dan masing-masing enggan menangguhkan waktu bersembahyang. (Hal ini ada disebut dalam MP 13).

4.3 Kesimpulan

Kajian terhadap struktur majlis pertunangan menunjukkan bahawa majlis pertunangan mempunyai strukturnya yang tersendiri dan bersifat tekal memandangkan keseragaman atur cara dalam semua majlis yang dijadikan kes kajian. Atur cara dalam struktur makronya terdapat dalam semua majlis, walaupun terdapat sedikit perbezaan dalam urutan atur cara. Struktur yang mengandungi 7 atur cara merupakan struktur yang paling kerap terdapat dalam majlis pertunangan. Perlakuan dan tindakan dalam setiap atur cara juga adalah seragam.

Dalam struktur mikro, didapati terdapat keseragaman dalam struktur rundingan yang mengandungi pembukaan dan penutupannya walaupun terdapat perbezaan dalam cara mengendalikan rundingan. Analisis yang sudah dipaparkan jelas menunjukkan bahawa ketertiban dan kelancaran rundingan banyak bergantung kepada wakil yang menjadi jururunding. Struktur mikro menunjukkan pembukaan rundingan lebih kemas dan teliti berbanding dengan penutupan rundingan.

Analisis struktur majlis pertunangan juga memaparkan keluhuran budi orang Melayu yang berpegang kuat pada adab sopan yang berlandaskan ciri-ciri keagamaan dan budaya. Sama ada dalam struktur makro ataupun struktur mikro, susunan dan urutan atur cara majlis pertunangan berlangsung dalam penuh ketertiban dan kesantunan.

Nota:

1. Dalam surah al-Nisa', mas kahwin disebut "nihlah" yang bermaksud suatu pemberian mutlak tanpa ganjaran. Dalam surah tersebut Allah berfirman yang bermaksud :Berilah mas kahwin kepada mereka (wanita) yang kamu nikahi dengan ikhlas". Nilai mas kahwin juga disebut dalam surah al-Hajj ayat 78.
2. Hantaran belanja disebut belanja hangus, rujuk MP 1. Penggunaan wang ini tidak sama di semua daerah, contohnya di Perak, wang ini digunakan untuk perbelanjaan kenduri perkahwinan (Rujuk MP 1 dan MP 6), maka wang itu perlu diserahkan oleh pihak lelaki sebelum hari perkahwinan. Tetapi terdapat juga penyerahan wang tersebut pada hari perkahwinan (Rujuk MP 2).
3. Pemberian cincin tidak sama di semua tempat (Rujuk MP 1, MP 2 dan MP 11).